

'Jangan usik Hari Malaysia'
Malaysiakini.com
Mar 29, 2010
Joe Fernandez

Cadangan pengerusi Yayasan 1Malaysia (Y1M), Chandra Muzaffar pada Rabu lalu agar Hari Malaysia yang jatuh pada 16 Sept setiap tahun digantikan dengan Hari Perpaduan Nasional mendapat reaksi negatif, khususnya di kalangan penduduk di Sabah dan Sarawak.

Antara yang lantang menentang cadangan itu ialah naib presiden PKR, Jeffrey Gopari Kitingan yang mempersoalkan kewajaran dan kebijaksanaan cadangan itu.

Beliau seterusnya mempersoalkan isu hak rakyat di Sabah dan Sarawak dengan menimbulkan kuasa autonomi, Perkara 20 dan Perjanjian Malaysia.

"Selepas sekian lama berjuang dan bersusah-payah bagi mendapatkan pengiktirafan daripada kerajaan persekutuan untuk hari Malaysia, mengapa harus kita korbankan semua itu untuk kepentingan pihak lain," persoal Jeffrey yang juga adalah bekas tahanan ISA.

"Perpaduan nasional harus bermula dengan politik yang menyatukan semua sebagai rakyat. Ia tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mengketepikan sejarah dan realiti politik."

Hari Malaysia, menurut Jeffrey adalah selaras dengan Perjanjian Malaysia yang mengikrarkan hak Sabah dan sarawak, termasuk kuasa autonomi menerusi Perkara 20.

"Setiap Hari Malaysia, adalah peluang sekali dalam setiap tahun bagi menilai semula kebaikan dan keburukan keputusan Sabah dan Sarawak menyertai Persekutuan Malaysia," tegasnya.

Beliau membidas Chandra yang mengemukakan cadangan itu yang didakwa bertujuan menyelamatkan Umno daripada malu besar kerana membantu British mengheret Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia yang disifatkannya sebagai idea yang buruk.

"Maka tidak hairanlah, ketika itu Presiden Sukarno dari Indonesia menentang Malaysia kerana ia bentuk penjajahan baru terhadap Sabah dan Sarawak?"

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/127766>